

13 MAR 2004

Pilihan raya-Calon (Kelantan)

MUSTAPA HADAPI SATU LAWAN SATU DI KERUSI PARLIMEN DAN DUN

JELI, 13 Mac (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed yang bertanding di dua kawasan, masing-masing di Parlimen Jeli dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Lanas menghadapi satu lawan satu dengan calon PAS di kedua-dua kawasan itu pada pilihan raya umum ini.

PAS meletakkan Mohd Apandi Mohamad, 44, penyandang kerusi Parlimen Jeli dan Abdullah Ya'kub, 43, juga penyandang kerusi DUN Air Lanas.

Pada pilihan raya umum 1999, Mustapa, 54, yang bertanding di Parlimen Jeli tewas kepada Mohd Apandi dengan majoriti 693 undi. Mustapa memperolehi 14,830 undi manakala Mohd Apandi mendapat 15,523 undi.

Dua lagi kawasan DUN iaitu Bukit Bunga dan Kuala Balah juga menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN dan PAS.

Bagi DUN Bukit Bunga, iaitu kawasan baru hasil persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, BN mencalonkan Mohd Adhan Kechik, 49, manakala DUN Kuala Balah iaitu nama baru Pergau, BN mencalonkan Abdul Aziz Derashid, 48.

Kedua-dua calon BN itu pernah bertanding pada pilihan raya umum 1999 dan tewas kepada calon PAS.

PAS pula meletakkan dua muka baru iaitu Sufely Abdul Razak bagi DUN Bukit Bunga dan Mat Rasid Mat Jaais, 51, bertanding di DUN Kuala Balah.

Pengumuman pengesah calon-calon itu dibuat di pusat penamaan calon di Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli, selepas waktu bantahan tamat pukul 11 pagi.

Kira-kira 10,000 penyokong BN hadir mengiringi calon masing-masing manakala PAS seramai 6,000 orang.

Mustapa yang juga Pengerusi BN Kelantan ketika ditemui pemberita selepas tamat penamaan calon berkata, beliau bersyukur kerana maklumat yang diterima mengatakan semua calon BN dapat bertanding tanpa sebarang masalah.

"Sokongan ramai penyokong yang diberikan di seluruh pusat penamaan calon menjadi petanda baik untuk BN menang di Kelantan pada pilihan raya ini," katanya.

Mustapa berkata berbekalkan keyakinan itu BN akan mempamerkan seluruh kekuatan parti untuk mengambil alih pucuk pimpinan kerajaan negeri daripada PAS walaupun sedar PAS Kelantan mempunyai kekuatan tersendiri.

Berhubung dengan pengesahan Datuk Ibrahim Ali bertanding sebagai calon bebas di Parlimen Pasir Mas yang mewujudkan pertandingan tiga penjuror yang turut melibatkan calon BN dan PAS, Mustapa berkata BN bersedia menghadapi apa-apa cabaran.

"BN akan bermati-matian untuk menawan Parlimen Pasir Mas dan ketiga-tiga DUN di bawahnya," katanya.

Merujuk kepada kenyataan PAS bahawa beliau melakukan kesilapan apabila bertanding di dua kerusi serentak, Mustapa berkata tiada kelemahan dalam strategi itu dan malahan ia bertujuan mengukuhkan dan mengimbangkan kekuatan BN di Parlimen dan DUN.

Mustapa juga berpuas hati dengan sokongan rakyat terhadap calon-calon BN apabila mereka secara sukarela berkumpul dengan bilangan mencecah ribuan orang di kesemua 14 pusat pencalonan negeri ini berbanding pada pilihan raya umum 1995.

Keadaan itu menjadi petanda baik dan harapan cerah BN untuk kembali berkuasa, katanya.

Calon-calon PAS yang bertanding di Parlimen Jeli dan ketiga-tiga DUN di kawasan itu tidak dapat ditemui kerana menghadiri taklimat sejurus selepas SPR mengumumkan nama mereka sebagai calon.

Sementara itu, Parlimen Pasir Mas akan menyaksikan pertandingan tiga penjuror membabitkan calon BN Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman, calon PAS Ismail Noh yang juga penyandang dan Datuk Ibrahim Ali, bekas calon BN pada 1999 yang kini bertanding atas tiket bebas.

Ibrahim yang akan menggunakan lambang payung pada pilihan raya ini ketika ditemui berkata beliau meminta maaf kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bekas Perdana Menteri Tun Mahathir

Mohamad dan  
Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak atas  
tindakannya  
bertanding sebagai calon bebas.

Katanya tindakannya itu bukan untuk menentang Umno sebaliknya  
hanya  
untuk membersihkan namanya setelah difitnah hingga disingkir  
daripada  
jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Pasir Mas.

"Saya berada di pihak benar dan saya akan buktikan pada pilihan  
raya  
kali ini," katanya.

Ibrahim merancang mengadakan tiga kempen secara besar-besaran  
dalam  
tempoh tujuh hari berkempen termasuk berkempen dari rumah ke rumah.

Abdul Rahim, yang dilantik menggantikan Ibrahim sebagai Ketua  
Penaja  
Umno Pasir Mas pula berkata Umno bahagiannya tidak gentar untuk  
menghadapi  
tentangan tiga penjuru itu.

Beliau berkata penduduk Pasir Mas sebenarnya inginkan perubahan  
dan  
seluruh anggota Umno di bahagian itu secara terbuka menyatakan akan  
menyokongnya.

"Segelintir anggota PAS juga menyatakan hasrat sedemikian secara  
terbuka dan tersembunyi," katanya kepada Bernama selepas penamaan  
calon di  
sini.

Abdul Rahim berkata walaupun beliau terpaksa menentang bekas  
ketua  
bahagiannya sendiri tetapi yakin rakyat akan memilihnya berdasarkan  
sambutan hangat terhadap setiap program yang dianjurkannya.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika  
ditemui  
pemberita selepas penamaan calon berharap pengundi Kelantan terus  
memberi  
mandat kepada PAS untuk memerintah.

Katanya rakyat Kelantan perlu mengekalkan semangat perpaduan  
Islam dan  
menjaga apa yang dinikmati sekarang ini bagi menyelamatkan negeri  
daripada  
perpecahan.

"Kita mahu perpaduan itu berterusan agar Kelantan terus aman,"  
katanya  
yang akan mempertahankan kerusi DUN Chempaka.

Nik Aziz akan ditentang calon BN iaitu Ketua Penaja Wanita Umno  
Pengkalan Chepa, Ruhani Mamat dalam pertandingan satu lawan satu.

Sementara itu, calon BN bagi kerusi Parlimen Pengkalan Chepa,  
Datuk Dr  
Nik Mohd Zain Omar meminta pengundi kawasan itu memberinya peluang  
untuk  
membawa perubahan di kawasan itu bagi masa depan rakyat.

Katanya BN mampu melaksanakan setiap janji kepada rakyat.  
Nik Mohd Zain akan menentang calon PAS Datuk Abdul Halim Abdul Rahman yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan.  
Bendahari Umno Kelantan, Datuk Dr Awang Adek Hussin yang bertanding di Parlimen Bachok, melahirkan keyakinan bahawa BN akan merampas Parlimen itu dan tiga lagi DUN di bawahnya iaitu Jelawat, Perupok dan Tawang pada kali ini.

Katanya BN mempunyai kemampuan kerana barisan calon yang dikemukakan pada kali ini bagi menentang calon PAS adalah berkaliber dan mantap.

"Jika dilihat daripada perubahan sikap penduduk Bachok, saya percaya BN akan menang bagi Parlimen dan ketiga-tiga DUN di kawasan Bachok," katanya dan menurutnya BN akan melancarkan kempen besar-besaran mulai sekarang termasuk kempen dari rumah ke rumah.

"Jika mereka (pengundi) masih memilih PAS, pasti tidak akan ada perubahan di Bachok dan jajahan itu akan terus ketinggalan daripada arus pembangunan. Tetapi saya percaya kini rakyat Bachok mahu lihat perubahan," katanya.

Awang Adek akan bertanding satu lawan satu dengan calon PAS Wan Nik Wan Yusof, yang juga penyandang kawasan itu.

Ketua Penaja Umno Bahagian Pasir Puteh, Kamarudin Mohd Nor yang bertanding di DUN Semerak bertekad untuk bekerja keras bagi memastikan keseluruhan Parlimen dan empat DUN kawasan berkenaan kembali semula ke pangkuan BN.

Kamarudin yang bertanding di kawasan Parlimen pada 1999, berkata pengundi Pasir Puteh kini telah sedar kelemahan pentadbiran PAS yang menyaksikan kebanyakan wakil rakyat PAS hanya menerima "gaji buta".

Kamarudin yang pernah memenangi DUN Semerak atas tiket BN pada pilihan raya kecil 1997 menewaskan calon PAS ketika itu berharap kesemua calon BN dapat bersama membela nasib rakyat di kawasan Parlimen itu.

Kamarudin akan berhadapan dengan calon PAS Hussin Awang yang juga penyandang.

Sementara itu, Ketua Muslimat PAS Pusat Kalthom Othman yang bertanding di kawasan Parlimen Pasir Puteh yakin mampu mengalahkan calon BN iaitu Che Min Che Ahmad, Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia.

Katanya keyakinan itu timbul kerana PAS telah lama mengatur strategi berkempen dari rumah ke rumah untuk mempengaruhi wanita menyokong perjuangan PAS.

Ini adalah pertama kali PAS meletakkan calon wanita bertanding di Kelantan sejak 1969.

-- BERNAMA

SHI SYZ ZI WM ANM AI HMY RAR RHM